



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR  
DAN PERUBAHAN IKLIM

# KENYATAAN MEDIA

---

## NRECC KOMITED TANGANI ISU JEREBU KINI

---

Saya telah mengangkat isu jerebu yang sedang melanda Malaysia ketika ini pada Mesyuarat Kabinet semalam. Saya juga telah berkomunikasi bersama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk mengambil tindakan menghentikan aktiviti luar buat sementara waktu ekoran kemerosotan kualiti udara dalam negara.

Ia selari dengan Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan (PTJK). Melalui pelan ini, kualiti udara sentiasa dipantau dari semasa ke semasa bagi memastikan NRECC dan agensi-agensi terlibat dengan pengurusan bencana jerebu dapat bertindak dengan lebih cepat dan responsif selaras dengan PTJK.

Antara tindakan-tindakan tersebut adalah seperti mengaktifkan Jawatankuasa Pengurusan Bencana yang akan digerakkan oleh NADMA apabila bacaan IPU melebihi 150 bagi tempoh lebih daripada 24 jam, menghentikan semua aktiviti di luar bilik darjah apabila bacaan IPU melebihi 100, penutupan sekolah, tadika dan taska serta-merta apabila bacaan IPU melebihi 200.

Ini selaras dengan prosedur operasi standard (SOP) daripada KKM yang terpakai kepada semua dan mesti dipatuhi bagi mengelakkan berlaku kejadian yang tidak diingini. Selain itu, pelaksanaan Operasi Pembenihan Awan (OPA) juga akan dibuat jika perlu.

Melalui Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), pelbagai usaha dan inisiatif dilaksanakan bagi mencegah insiden pembakaran terbuka dan jerebu setempat dalam negara selaras usaha menangani isu jerebu rentas sempadan.

Susulan, terdapat kes kebakaran dalam negara melibatkan kawasan belukar tanah gambut berkeluasan 32 hektar (80 ekar) di Kota Tinggi, Johor, 70% kebakaran yang telah berjaya dipadamkan. Berdasarkan pemantauan dan pemerhatian yang dijalankan, didapati masih terdapat asap di permukaan tanah.

NRECC melalui JAS Negeri Johor telah memasang alat pemantauan kualiti udara di sekolah berhampiran iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Pengerang Utama, Taman Bayu Damai, Punggai bagi cerapan kualiti udara (PM10 dan PM2.5). Tindakan penguatkuasaan akan diambil terhadap pemilik tanah setelah carian rasmi daripada pejabat tanah diperolehi kelak.

JAS juga telah diarah agar meningkatkan tindakan penguatkuasaan dan aktiviti rondaan harian ke kawasan-kawasan yang berpotensi berlakunya aktiviti pembakaran terbuka. Semua pemilik tanah disarankan supaya memantau secara rapi kawasan-kawasan yang mudah dan sering terbakar.

Walaupun terdapat hanya satu sahaja **stesen yang mencatatkan bacaan IPU yang 'tidak sihat' (Klang, Selangor, IPU - 154), trend kualiti udara sepanjang minggu menunjukkan beberapa kawasan sering mencatatkan bacaan yang tidak sihat, terutama di kawasan Semenanjung Malaysia, disebabkan oleh pergerakan asap jerebu.**

Peta Jerebu Serantau yang dikeluarkan oleh ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC) pada 18 Oktober 2023 juga mendapati pergerakan angin pada masa kini di ASEAN selatan adalah dari arah timur ke tenggara.

Dalam beberapa hari akan datang, bahagian selatan ASEAN akan menerima taburan hujan yang lebih tinggi yang membawa kepada pengurangan titik panas dan asap jerebu.

Dalam menangani krisis jerebu ini, Malaysia telah mengadakan kerjasama dua hala dengan kerajaan Indonesia bagi usaha-usaha pencegahan jerebu secara "Government to Government" di bawah kerangka Perjanjian ASEAN Mengenai Jerebu Merentas Sempadan.

Kementerian juga akan terus meneliti kewajaran penggubalan Rang Undang-Undang Jerebu Merentas Sempadan dari pelbagai sudut merangkumi kebolehlaksanaan undang-undang yang akan digubal, hubungan diplomatik dengan negara jiran serta pelaksanaan akta seumpamanya oleh negara-negara lain bagi memastikan tiada pembaziran sumber dalam menggubal akta ini. Kementerian juga tidak menolak untuk meneliti mekanisme instrumen atau perundangan lain yang bersesuaian bagi menangani perkara ini.

Antara rujukan digunapakai oleh NRECC ialah perjanjian dua hala AS dan Kanada melalui US-Canada Air Quality Agreement susulan keberkesanan yang terbukti. Namun, usaha ini memerlukan komitmen kedua-dua pihak dan Kerajaan Malaysia sedia untuk terus berunding agar isu ini dapat diselesaikan bersama.

Dalam mendepani krisis jerebu, orang awam diseru agar sentiasa berhati-hati dan sentiasa peka dengan tahap kualiti udara di kawasan masing-masing dan mengambil langkah pencegahan bagi mengurangkan kesan kesihatan akibat cuaca jerebu, termasuk mengelak daripada melakukan aktiviti fizikal di luar bangunan bagi mengurangkan pendedahan kepada udara tidak sihat.

Sekiranya orang ramai yang disabitkan dengan kesalahan melakukan pembakaran terbuka, mereka boleh dikenakan denda tidak melebihi RM 500,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali seperti yang termaktub dalam Seksyen 29(A), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Mereka juga boleh dikenakan kompaun maksimum sebanyak RM2,000 atas setiap kesalahan.

Oleh itu, orang ramai dinasihatkan agar bekerjasama untuk memadam kebakaran kecil dan juga melaporkan kes-kes pembakaran terbuka atau kebakaran kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat di talian 999 dan JAS di talian bebas tol, 1-800-88-2727 agar isu jerebu dapat ditangani bersama.

**NIK NAZMI NIK AHMAD**  
**MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM**  
**19 OKTOBER 2023**

